

Pengenalan Ringkas HOMEOPATI, BIOKIMIA & HERBALISME

www.salindah.com

Kemudian satu bahagian triturat 1x ini pula dicampur 9 bahagian laktosa, dan ditumbuk dan digiling pula untuk mendapatkan triturat 2x. Begitulah proses ini diteruskan sehingga ke tahap triturasi yang dikehendaki.

Garam tisu Biokimia yang digunakan oleh Allahyarham Prof. Dr. Azizan bin Haji Ismail dalam rumusan-rumusannya ialah pada tahap 6x dan dipersembahkan dalam bentuk "molded tablets" dan "compressed tablets", agar mudah hancur atas lidah dan mudah pula dimakan oleh kanak-kanak dan bayi. Contohnya EXAMO-CKM 500.

Oleh kerana ubat Biokimia yang disediakan dengan menggunakan laktosa, maka itu sebabnya ia terasa sedikit manis dan digemari oleh semua orang termasuk kanak-kanak.

HERBALISME

Sejak bermula sejarah manusia, sudah diketahui bahawa pada tumbuh-tumbuhan tertentu terdapat pelbagai jenis khasiat yang cukup mujarab bagi mengubati pelbagai jenis masalah kesihatan.

Ada jenis tumbuhan yang boleh dijadikan makanan yang berperanan, bukan setakat memberi kekenyangan, malah juga untuk menjauhi daripada serangan penyakit, memberi tenaga, menolong menyembuhkan penyakit yang sudah dihidapi dan sebagainya. Tumbuhan makanan membekalkan banyak keperluan zat-zat karbohidrat, protein, lemak, garam mineral, vitamin dan air untuk tubuh.

Ada jenis tumbuhan yang rasanya kurang enak, seperti rasa terlalu pahit, masam, kelat, atau payau dan berbau tengik akan tetapi mempunyai khasiat perubatan, dan perlu dimakan atau diminum secara sedikit-sedikit. Pelbagai jenis khasiat ubat terdapat dalam beraneka jenis tumbuhan. Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM), hutan rimba di Malaysia, yang menikmati iklim khatulistiwa, mempunyai khazanah yang paling kaya dengan tumbuhan berubat iaitu antara 3000 hingga 5000 spesis, termasuk yang belum dikenalpasti.

Di kalangan dukun dan bomoh Melayu, pengetahuan mengenai ubatan dari tumbuhan ini sudah menjadi hal yang turun temurun. Malah bagi masyarakat Melayu ubatan konvensional hanya baru kebelakangan ini menjadi pilihan pertama. Pun begitu masih ramai yang memilih ramuan-ramuan akar kayu untuk mengubati penyakit yang mereka hadapi. Ramuan-ramuan herba ini memang berkhasiat dan berkesan bagi merawat masalah-masalah seperti tekanan darah tinggi, kencing manis misalnya yang perubatan konvensional sendiri merasai payah hendak mengubatnya dengan sempurna.

Cuma yang menjadi masalah dunia perubatan herba Melayu ialah ia lebih berbentuk kuno. Kalau ia dapat di modernkan dari segi kajian saintifik dan persembahan, maka ia mungkin lebih mudah diterima masyarakat. Kalau dapat diubah daripada menyediakan ramuan dengan memasak dalam periuk tanah dijadikan minuman yang tidak bersukatan tetap kepada sediaan dalam bentuk tablet atau minuman yang lebih mudah dibawa dan digunakan dengan bersukatan tertentu, maka dengan sedikit perubahan itu, adalah dirasakan perubatan herbalisme akan lebih memberi tarikan kepada pengguna. Dalam bidang inilah Allahyarham Prof. Dr. Azizan Ismail berusaha gigih sewaktu hayatnya. Kejayaannya sudah mula dirasai sekarang.